

Statistik-statistik Guyana

- 10% Muslim
- 35% Hindu
- 50% Kristian (semua denominasi)
- 5% Lain-lain

Guyana (ataupun “Tanah yang mempunyai Banyak Air”), yang bersempadankan Lautan Atlantik, mengandungi hutan hujan (rainforest) yang luas, sungai-sungai dan air terjun. Novel Sir Arthur Conan Doyle yang diterbitkan pada tahun 1912 yang digelar “The Lost World” suatu cerita penerokaan jenis “Jurassic

Park”, diilhamkan oleh dataran-dataran gunung yang boleh ditemui di kawasan pedalaman Guyana. Malangnya, negara ini telah mendapat tumpuan media sedunia pada tahun 1978 selepas 900 orang Amerika dari suatu kumpulan ajaran sesat telah membunuh diri secara besar-besaran.

Guyana mempunyai penduduk berjumlah lebih 3 suku juta orang dan merupakan tempat pertumpuan pelbagai bangsa dan kebudayaan terdiri daripada beberapa suku ethnik. Seperti orang-orang

Afrika yang datang sebagai hamba, kebanyakan orang-orang ini merupakan buruh-buruh yang telah dibawa ke negara ini untuk bekerja di ladang tebu dan kapas.

Kepelbagaian budaya dia Guyana digambarkan melalui muziknya, yang mengikuti gaya negara-negara Caribbean dan India. Siaran radio memainkan muzik reggae, dancehall, soca dan chutney, dan juga bhangra dan muzik Hindi yang merupakan pengaruh dari Bollywood India. Stesyen tv tempatan

menyiarkan siaran Amerika, British dan India.

Orang-orang Islam yang pertama datang ke Guyana kemungkinan adalah orang-orang Fulani dari Afrika. Kini, orang-orang Islam merupakan lebih kurang 10% daripada jumlah penduduk, kebanyakan mereka dari Asia Selatan (India, Pakistan dan Afghanistan), tetapi sekarang semakin ramai yang datang dari latarbelakang Afrika. Walaupun Islam merupakan agama minoriti di negara ini di mana setengah penduduk mengakui agama Kristian, ia

masih mencapai profil tinggi. Bekas presiden, Hamilton Green, dipercayai telah memeluk agama Islam, dan pada tahun 1998 Guyana telah menyertai Organisasi Konferensi Islam (CIO)* secara sah. Orang-orang Islam Guyana terlibat dalam pemberian zakat dan juga program kebajikan sosial yang lain termasuk membantu balu-balu. Namun, masyarakat Islam masih berpecah-belah di antara mereka yang lebih tradisional dan mereka yang reformis – ini merupakan suatu persengketaan ideologi yang telah berlanjutan berdekad-dekad lamanya.

Pertubuhan-pertubuhan tempatan sering menjadi tuan rumah kepada ilmuwan-ilmuwan Islam dari Asia Selatan dunia Arab dan ramai orang Islam Guyana menganggap diri mereka sebagai “ummah” global (masyarakat Islam sedunia). Mereka juga sangat berminat dalam isu-isu yang membawa kesan kepada orang-orang Islam di negara asing, termasuk konflik di Palestin, Iraq dan Afghanistan.

* Rujuklah laman web CIO Guyana di <http://www.ciog.org.gy>

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar damai dan kasih Tuhan akan diberitakan dengan cara yang berkesan kepada semua suku-suku ethnik di sini. Orang Asia Selatan sering bertentangan dengan orang-orang Guyana yang berasal dari Afrika.

* Berdoalah agar siaran muzik dan TV Kristian yang positif akan dapat disiarkan dan agar muda-mudi Muslim akan dapat dipengaruhi melalui siaran-siaran ini.

* Terdapat beberapa sekolah Alkitab di Guyana. Berdoalah agar orang-orang yang baik dan beriman akan dilatih untuk menjangkau orang-orang Islam. Beberapa orang Islam telah pun percaya

* Jenayah menjadi suatu masalah yang semakin serius. Berdoalah agar prinsip-prinsip Tuhan boleh diajarkan kepada orang muda, dan agar muda-mudi akan dilindungi daripada dadah dan kegiatan samseng.

Berdoalah juga untuk...

Terdapat sekurang-kurangnya 1.6 juta orang Islam di UK. Ini merupakan jumlah penduduk kota Birmingham (1 juta) dan Glasgow (600,000) digabungkan. Satu daripada setiap sebelas orang London beragama Islam. Berdoalah agar kesaksian Kristian kepada orang-orang Islam di UK akan bertambah. Melalui kasih dan latihan yang baik, setiap orang percaya dapat menjadi saksi-saksi yang berkesan bagi Kristus di kalangan orang-orang Islam.

www.30-days.net